

Siri Jelajah Masjid dalam Program Jom Lepak@Masjid



Pekan, 8 Disember - Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus melebarkan sayap ukhwah dalam program memasyarakatkan universiti dalam penganjuran Program Jom Lepak @ Masjid di Masjid Kg. Tanjung Agas Pekan baru-baru ini.

Program ini adalah kesinambungan daripada program yang telah dijalankan dengan jayanya di Masjid Kg. Marhum, Taqwa, Masjid Tanjung Selangor, Masjid Paya Bungor dan Masjid Lama Permatang Badak Kuantan sebelum ini.

Menurut Pengarah Program Jom Lepak @ Masjid, Ustaz Shahrul Nizam Md Ahir, lokasi kali ini adalah salah satu siri jelajah komuniti dan revolusi dalam penjenamaan UMP bagi program khidmat komuniti dan memakmurkan masjid.

"Melalui program ini diterapkan elemen dakwah, ibadah dan khidmat sosial kepada masyarakat setempat sekaligus membuktikan hubungan erat mahasiswa universiti dan komuniti. Program ini juga dapat mengajak masyarakat setempat terutama generasi muda mengimarahkan masjid dengan menjadikan masjid sebagai medium bagi warga UMP untuk berbakti kepada masyarakat setempat," katanya.



Program dua hari itu melibatkan 65 orang mahasiswa UMP dari kedua-dua kampus UMP di Pekan dan Gambang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Forum Muqarabin yang bertajuk “Back to Mosque” yang membariskan panel forum iaitu Pensyarah Kanan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Al-Fadhil Dr. Mansor Sulaiman dan Penolong Pegawai Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Al-Fadhil Ustaz Nor Azfarizam Mohd Anuar.

Menurut Dr. Mansor, masjid merupakan rumah ibadah bagi umat Islam dalam mengerjakan solat dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam. Masjid adalah sebuah institusi ibadah yang sepatutnya berkembang sejajar dengan arus perkembangan zaman dan memainkan peranan di dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah institusi membina kemajuan ummah.

Selain itu, antara aktiviti lain yang dijalankan ialah program Qiamullail, kuliah subuh, dan bergotong-royong membersihkan masjid bersama Jemaah Masjid Kg. Tanjung Agas, Pekan. Turut hadir memeriahkan program ialah Penggerusi Masjid Kampung Tanjus Agas, Mohd Amir Abdul Rahman.



Berita disediakan oleh Ustaz Sharul Nizam Md Ahir dan disunting oleh Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 29-12-2017, 17:16:55